

Masyarakat perlu sedar Perang Dunia Ke-4

UM - 20/6/2006

IZWAR ABDUL WAHID



MUKHRIZ MAHATHIR

PUTRAJAYA 19 Jun - Malaysia dan banyak negara lain secara tidak langsung sudah terlibat dalam Perang Dunia Keempat (WW4) yang masih belum disedari oleh banyak pihak.

Penyelaras Pertubuhan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia), Datuk Mukhriz Mahathir berkata, peperangan sekarang bukan lagi perang konvensional yang menggunakan senjata, sebaliknya ia berselindung dengan menggunakan kempen memerangi keganasan.

"Perang ini sudah bermula dan sesuatu perlu dilakukan. Kita juga sudah terlibat dan tidak ada sesiapa boleh terlepas kerana ini perang dunia.

"Sekarang Aman Malaysia cuba untuk menyedarkan masyarakat tempatan dan dunia agar menolak peperangan ini yang mungkin berlarutan bertahun-tahun seperti mana perang dingin antara Amerika Syarikat (AS) dan Rusia," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, Forum Keamanan Sejagat Perdana anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana selama dua hari bermula Rabu ini akan menyampaikan mesej yang sama.

Pada forum itu, katanya, banyak bukti akan dikemukakan bagi mengaitkan tindakan AS serta sekutunya dengan WW4 yang sudah lama dirancang.

Menurut Mukhriz, tema persidangan itu ialah "Penjenayahan Perang, Hentikan WW4" dan tajuk yang akan dibincangkan ialah "Agenda Timur Tengah: Minyak, Penguasaan Dolar dan Islam."

Menurutnya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapatama pada persidangan itu dan beberapa penceramah turut serta antaranya Profesor Undang-undang Universiti Illinois, Francis A. Boyle; Pengasas dan Presiden Institut Penyelidikan Polisi Nuklear (NPRI), Dr. Helen Caldicott dan bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dennis Halliday.

Katanya, hari pertama persidangan di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini merupakan sidang panel yang disertai 350 wakil

pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang akan terlibat dalam kempen menghentikan WW4.

"Pada hari kedua, persidangan akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan orang ramai dijemput hadir bagi sama-sama memberi pandangan, idea dan maklum balas isu yang dibincangkan," ujarnya.

Mukhriz memberitahu, persidangan kali ini juga akan disiarkan secara langsung melalui laman web Islamic City Organisation di AS dan ia akan ditonton oleh pelajar beberapa universiti di sana.

Dalam pada itu, katanya, persidangan kali ini merupakan kesinambungan daripada Forum Keamanan Sejagat Perdana yang diadakan akhir tahun lalu.

Pada sidang panel, katanya, NGO dan persatuan terlibat akan memberi maklum balas tentang aktiviti mereka dalam mempromosikan kempen keamanan hasil deklarasi forum sebelum ini.

Mereka yang ingin menyertai forum berkenaan boleh mendapatkan maklumat mengenai forum terdahulu melalui laman web www.perdana4peace.org.